




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 268 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 33,639 kes. Lima (5) kes kematian dicatatkan iaitu tiga (3) kes di Daerah Tawau dan dua (2) kes di Daerah Lahad Datu. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 459 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 30,742 orang. Sejumlah 2,068 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 606 orang di hospital dan 1,462 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 57 orang dan 14 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kunak bertukar dari zon kuning ke zon hijau.

- 4 Terdapat satu (1) kluster baharu dilaporkan di Daerah Kota Kinabalu iaitu Kluster Bukit Punai mencatatkan lima (5) kes hari ini menjadikan kumulatif 7 kes.
- 5 Daripada 268 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 108 kes (40.3%) adalah berpunca dari saringan kluster baharu dan kluster-kluster sedia ada, 106 kes (39.6%) dari saringan kontak rapat di 14 daerah, saringan bergejala 28 kes (10.4%), saringan komuniti 4 kes (1.5%) dan 22 kes (8.2%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 948 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,566 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,514 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 31.75%.

B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga hari ini, sebanyak **298,423** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasar.

C. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 15 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 203 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Belud	99%
4	Kota Kinabalu	99%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kunak	98.5%
8	Semporna	98%
9	Penampang	98%
10	Papar	98%
11	Kota Marudu	98%
12	Beluran	98%
13	Sandakan	98%
14	Lahad Datu	97%
15	Tuaran	97%
16	Keningau	97%
17	Tenom	97%
18	Tawau	97%
19	Ranau	96%

- 2 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan ketika mengunjungi tempat tumpuan awam seperti pasar raya dan pasar awam bagi membendung penularan pandemik COVID-19.
- 3 Pihak PDRM juga akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa.

E. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di enam (6) premis di empat (4) Daerah iaitu Kinabatangan, Tawau, Semporna dan Sandakan.
- 2 Hebahen umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 134 lokasi di 20 daerah. Hebahen dibuat dalam enam (6) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Dusun, Bahasa Murut, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantaian COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**
16 Disember 2020